

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC (BOM)

TAJUK Keterangan: Tajuk Projek/ Cadangan	Projek Ujikaji Peraturan Memudahkan Pergerakan Barangan Bagi Syarikat Berstatus Gudang Pengilangan Berlesen.
TARIKH/ GARIS MASA Keterangan: Jadual mula dan akhir pelaksanaan projek/ cadangan	Februari – November 2023 (LAMPIRAN 1)
TUJUAN & LATAR BELAKANG Keterangan: Tujuan dan penerangan ringkas mengenai projek	1. JKDM dan MPC telah melaksanakan projek ujikaji peraturan memudahkan pergerakan barangan bagi syarikat berstatus Gudang Pengilangan Berlesen (GPB). 2. Ujikaji peraturan ini merupakan kerjasama inovatif di antara pihak awam dan swasta iaitu JKDM, Nexus Produktiviti Elektrikal & Elektronik (EENP), Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA) dan beberapa syarikat berstatus GPB terpilih. MPC berperanan sebagai pemudahcara bagi pelaksanaan projek ini. 3. Cadangan modul penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah dengan mengaplikasikan kaedah kelulusan secara automatik berasaskan risiko (risk-based approach) dan pendigitalan permohonan borang GPB AM menggunakan sistem SMART GPB yang dibangunkan oleh pihak JKDM Seberang Jaya. 4. Perincian pendigitalan borang permohonan yang telah dibangunkan pada tahun 2022 dan yang akan dibangunkan bagi tahun 2023 adalah seperti di LAMPIRAN 2.
JUSTIFIKASI Keterangan: Penjelasan yang menyokong kepada pelaksanaan projek/ cadangan	Pihak JKDM memohon MPC untuk membantu menyiapkan sepenuhnya modul yang terlibat sebelum penyerahan dilakukan. Penambahbaikan melalui program ujikaji peraturan ini dijangkakan dapat mengurangkan RM139 juta kos kawal selia dalam menjalankan perniagaan, meningkatkan produktiviti syarikat GPB dan selaras dengan agenda MITI untuk menarik pelaburan dan menggalakkan aktiviti pelaburan di Malaysia.
KAEDAH PELAKSANAAN Keterangan: Kaedah yang perlu dilakukan bagi melaksanakan projek	Perolehan bekalan/perkhidmatan ICT secara sebut harga di bawah RM50,000.00

STAKEHOLDERS/ PIHAK BERKEPENTINGAN Keterangan: Pihak atau kumpulan yang menerima kesan positif mahupun negatif daripada projek yang dijalankan	1. PEMUDAH 2. MITI, MOF, JKDM 3. Nexus Produktiviti Elektrikal & Elektronik (EEPN) 4. Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA) 5. 2,000 Syarikat berstatus Gudang Pengilangan Berlesen.								
JANGKAAN HASIL/ OUTCOME Keterangan: Apa yang MPC perlu capai/ faedah-faedah jangka pendek dan jangka panjang hasil dari intervensi projek/ cadangan	1. Meningkatkan produktiviti 2,000 Syarikat berstatus Gudang Pengilangan Berlesen. 2. Membentuk persekitaran perniagaan yang kondusif dan pengurangan kos pematuhan sebanyak 25%.								
JANGKAAN OUTPUT Keterangan: Output ketara dan tidak ketara yang dihasilkan daripada aktiviti projek/ cadangan.	Laporan cadangan penambahbaikkan.								
KUMPULAN SASAR Keterangan: Individu/ kumpulan yang menerima faedah daripada projek/ cadangan	1. EPU, MITI, MOF, JKDM. 2. 2,000 Syarikat berstatus Gudang Pengilangan Berlesen melibatkan Industri E&E.								
SUMBER BAJET/ KOS Keterangan: Sumber bajet / jumlah kos yang terlibat.	<table border="1"> <thead> <tr> <th>PERUNTUKAN BAJET (PB)</th><th>RM</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pembangunan (DE)</td><td>128,000.00</td></tr> <tr> <td>Operasi (OE)</td><td>22,000.00</td></tr> <tr> <td>JUMLAH KESELURUHAN</td><td>150,000.00</td></tr> </tbody> </table> Perincian anggaran kos perbelanjaan seperti di LAMPIRAN 3.	PERUNTUKAN BAJET (PB)	RM	Pembangunan (DE)	128,000.00	Operasi (OE)	22,000.00	JUMLAH KESELURUHAN	150,000.00
PERUNTUKAN BAJET (PB)	RM								
Pembangunan (DE)	128,000.00								
Operasi (OE)	22,000.00								
JUMLAH KESELURUHAN	150,000.00								
HASIL (RM) - SEKIRANYA ADA Keterangan: Pendapatan yang diterima daripada projek	Tidak berkaitan								
SYOR Keterangan: Keputusan yang diperlukan daripada Lembaga Pengurusan MPC	Ahli Lembaga Pengurusan dipohon untuk mempertimbangkan cadangan melaksanakan Projek ujikaji peraturan Memudahcara Pergerakan Barangan Bagi Syarikat Berstatus Gudang Pengilangan Berlesen.								
UNIT/ BAHAGIAN	NCS/PCD								

****Sila lampirkan maklumat-maklumat lain yang berkaitan sekiranya perlu.**

(Contoh: Agenda program, perincian kos, pelan risiko, gambar rajah, lakaran pelan, senarai nama, carta Gantt, dll.)

Hanya untuk permohonan yang menggunakan Bajet Pembangunan dari Unit/Bahagian lain. Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan.
DISOKONG OLEH:
 NAMA PEGAWAI PENJAGA BAJET PEMBANGUNAN Wan Fazlin Nadia Wan Osman Jawatan: Pengarah Nama Bajet: RMK-12 FORE Tarikh: Feb 2023

**Wajib diisi	**Wajib diisi	Permohonan memadai disemak sehingga peringkat Penyelia. Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan
DISEDIAKAN OLEH:  NAMA PEMOHON Mohd Zulkifly Che Mohd Rawawi Pengurus Tarikh: 7 Feb 2023	DISEMAK OLEH:  NAMA PENYELIA Mohd Khairil Anuar Amir Hamzah Pengurus Kanan Tarikh: 7 Feb 2023	DISAHKAN OLEH: NAMA PENGARAH Mohammed Alamin bin Rehan Pengarah Tarikh: Feb 2023

LAMPIRAN 1 – Jadual perancangan (2023)

Bil.	Aktiviti	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT
1.	Proses Perolehan JPICT - Pelantikan Perunding									
2.	Kajian Keperluan dan Analisis									
2a.	Spesifikasi Keperluan Bisnes (BRS)									
2b.	Spesifikasi Keperluan Sistem (SRS)									
3.	Pembangunan Modul ⁽¹⁾									
4.	Ujian Penerimaan dan Pelaksanaan									
5.	Program kesedaran dan pelan latihan pengguna, serta pelan peluasan penggunaan sistem.									

Nota (1): Perincian Modul adalah seperti di **LAMPIRAN 3**.

LAMPIRAN 2 - PENDIGITALAN BORANG PERMOHONAN

Pendigitalan borang permohonan yang telah dilaksanakan pada tahun 2022	Pendigitalan borang permohonan yang akan dilaksanakan pada tahun 2023
1. Lampiran Q (GPB1) - Permohonan pergerakan barang ke LMW lain 2. Lampiran R (GPB2) - Permohonan pergerakan barang antara LMW dan LW 3. Lampiran A1 - Permohonan mengimport / membeli mesin / peralatan 4. Lampiran A2 - Permohonan mengimport / membeli bahan mentah / komponen / pembungkusan / peralatan bilik bersih / alat bantuan pengilangan 5. Permohonan pelupusan mesin / peralatan / bahan mentah / komponen / pembungkusan / barang siap / sisa / sekerap 6. Permohonan mengeluarkan jentera sementara / peralatan / barang siap untuk dibaiki / penentukuran / ujian / pameran	7. Lampiran A3 - Permohonan menambah / meminda / membatalkan senarai barang siap 8. Lampiran B - Permohonan memperbaharui lesen 9. Lampiran G1 - Permohonan menghantar kerja subkontrak (dalam/luar negara) 10. Lampiran G3 - Permohonan menerima kerja subkontrak 11. Lampiran I - Permohonan membayar duti import bersamaan dengan kadar ATIGA untuk jualan tempatan 12. Lampiran P - Permohonan mengeksport barang siap melalui pihak ketiga 13. Lampiran R1 - Permohonan mengimport semula barang siap untuk diproses semula 14. Lampiran 1 - Permohonan mengeksport bahan mentah / bahan pembungkusan 15. Borang Permohonan - Permohonan menjalankan aktiviti pengurusan nilai tambah / rantai bekalan 16. Permohonan membawa masuk/keluar sampel perdagangan (bahan mentah/barang siap/jentera/peralatan) 17. Permohonan pindah / tambah premis / tukar struktur bangunan 18. Permohonan pelepasan duti / cukai 19. Permohonan membatalkan lesen 20. Permohonan menukar maklumat berkaitan syarikat 21. Permohonan mengimport semula / mengeksport semula bekas kosong / palet 22. Permohonan mengimport semula barang siap

LAMPIRAN 3 – PERINCIAN KOS

Bil.	Perkara	Unit	Kadar (RM)	Bil./sesi/hari	Jumlah (RM)
1.	Pembangunan Modul II (Sistem SMART GPB)	1	2,000.00	25	50,000.00
2.	Fasilitator	2	2,000.00	3	12,000.00
3.	Pakar Rujuk/Khidmat Nasihat	2	400.00	10	8,000.00
4.	Bengkel – pakej seminar (makan, minum) dan penginapan	30	450.00	3	40,500.00
5.	Penulisan Laporan	1	200.00	20	4,000.00
6.	Penyemak Laporan	1	150.00	50	7,500.00
7.	Penerbitan Artikel/Kenyataan Akhbar	2	1,000.00	3	6,000.00
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN					128,000.00
8.	Tambang Perjalanan Kakitangan	5	1,000.00	2	10,000.00
9.	Penginapan & Lojing Kakitangan	3	250.00	8	6,000.00
10.	Tuntutan Perjalanan	4	300.00	5	6,000.00
PERUNTUKAN OPERASI					22,000.00
JUMLAH					150,000.00

LAMPIRAN 4 – PERINCIAN MODUL

1. PELESENAN

- i. Permohonan / Pembaharuan lesen GPB
- ii. Permohonan penamatan, pemberhentian atau pembatalan lesen
- iii. Maklumat lesen syarikat GPB

2. MODUL PENYATA BULANAN.

- i. Syarikat memuat naik fail
 - a) LAMPIRAN M1 – penyata bulanan bahan mentah/komponen
 - b) LAMPIRAN M2 – penyata bulanan barang-barang keluaran siap
 - c) LAMPIRAN M3 – penyata bulanan aktiviti IPC/RDC
 - d) LAMPIRAN M4 – penyata tahunan
- ii. Mengemaskini maklumat M1,M2,M3,M4 kedalam database server
- iii. Memuat turun semula fail M1,M2,M3,M4 untuk kegunaan pegawai Kastam
- iv. Mengemaskini status pengesahan penerimaan fail M1,M2,M3,M4 dari syarikat

3. MODUL SENARAI PENGECEUALIAN

- i. Menerima fail lampiran senarai pengecualian (A1,A2,A3) dan mengemaskini maklumat ke dalam pelayan pangkalan data.
- ii. Mengemaskini maklumat senarai pengecualian dari semasa ke semasa mengikut keperluan syarikat.

4. MODUL PEMBERITAHUAN BERKAITAN AKTIVITI PERNIAGAAN

- i. Premis Syarikat
- ii. Operasi Syarikat